

Terpaku depan istana



KENANGAN TERINDAH... penulis dan suami di hadapan Westminster Abbey.



Rasa bertuah saksikan pertukaran pengawal Buckingham Palace

UNIK... ribuan peiancong menunggu di depan istana untuk melihat pertukaran pengawal permaisuri.

>>Oleh **SITI SURIANI OTHMAN**
metahad@tmmetro.com.my

SAMBIL menyelam minum air' adalah pepatah paling sesuai menjelaskan kedudukan penulis di United Kingdom (UK) kini. Penulis melanjutkan pelajaran di UK sejak September 2007 di peringkat Ijazah Kedoktoran.

Bagi penulis dan suami, Marwan, inilah antara peluang untuk 'melihat negara orang' apabila musim cuti umum atau 'bank holidays'. Dengan perancangan tersendiri, kami memilih untuk melawat kota London, ibu negara serta kota metropolitan terbesar UK sebagai destinasi pertama.

Penulis ke London dengan hanya berkereta dengan suami dan satu keluarga Melayu yang melanjutkan pelajaran

di University of Nottingham. Dengan anak kecil pasangan Omar dan Siti, kami berlima merencana satu 'pakej' yang 'intensif' tetapi padat dek kerana masa yang begitu menghambat.

Rencana kami di London dipermudah dengan mengambil pakej 'The Total London Experience' untuk hari pertama jelajah London. Syarikat Golden Tours ini menawarkan khidmat pelancongan dengan menyediakan bas dengan dua pemandu pelancong.

Destinasi pertama kami ialah Westminster Abbey. Gereja lama ini adalah antara bangunan tertua dan paling penting di London. Ia juga dikenali sebagai The Collegiate Church of St Peter at Westminster tetapi lebih dikenali dengan nama Westminster Abbey.

Pada 1546 hingga 1556 fungsinya adalah sebagai gereja tetapi kini ia digunakan untuk majlis penting serta lokasi pengkebumian Keluarga Diraja Britain. Menurut pemandu pelancong kami, majlis perkahwinan Puteri Diana dan Putera Charles juga dijalankan di sini pada Julai 1981.

Perjalanan diteruskan dengan melawat Buckingham Palace, iaitu tempat tinggal golongan tertinggi monarki Britain. Bangunan yang dibina pada 1971 itu tidak boleh dilawati sembarangan, namun dari luar, kami berpeluang melihat sendiri proses pertukaran pengawal (guard changing) yang mengikut jadual sediakan untuk mengawal permaisuri di istana.

Pertukaran pengawal itu berlangsung tepat jam 11 pagi. Pertukaran berlaku di hada-

pan istana sambil disaksikan beribu-ribu pelancong dan penduduk Britain setiap hari.

Tepat jam 2 petang, selepas berehat dan menikmati sedikit juadah yang dibawa dari rumah kami bertolak menaiki 'cruise' di sepanjang Sungai Thames. Ketika lawatan kami ini, waktu solat Zohor adalah pada jam 1.40 petang.

Kami bersyukur, walaupun tidak dapat solat dengan selesa seperti di Malaysia, banyak bilik untuk persalinan bayi yang bersih disediakan untuk kegunaan ramai. Selalunya, kami menunaikan solat di bilik persalinan yang banyak disediakan di seluruh Britain.

Dalam perjalanan ke Sungai Thames, kami diberitahu lawatan ke St Paul's Cathedral tidak dapat dilaksanakan memandangkan gere-



INDAH.... pemandangan di sekitar Millenium Bridge merentasi Sungai Thames.

TERSERGAM... Big Ben menempatkan jam dengan loceng seberat 12.000 kg.

TENANG... suasana di kota London.



ja itu dalam proses pembasuhan.

Menurut ketua pemandu pelancong kami, Sandra, proses itu mengambil masa selama lapan tahun untuk disempurnakan! Amat panjang, tetapi 'berbaloi' bagi mereka yang tidak memilih untuk mengecat semula bangunan bersejarah tertentu.

Dalam perjalanan ke Sungai Thames juga, warga Eropah yang fasih bertutur lebih daripada lima bahasa itu turut memberi penerangan mengenai tarikan utama London iaitu The Big Ben dan House of Parliament di Whitechapel Bell Foundry, London.

Big Ben kali pertama diperkenalkan kepada umum pada 10 April 1858. Namun, ramai yang tersalah anggap menerjemah Big Ben sebagai menara jam yang terkenal.

Hakikatnya, Big Ben yang dimaksudkan ialah jamnya dengan loceng seberat lebih 12,000 kilogram yang men-detikkan setiap jam yang bertamu, bukannya merujuk kepada menaranya.

The House of Parliament pula bersambung dengan Big Ben yang dijadikan tempat persidangan dan perbahasan undang-undang. Lokasi ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu The House of Commons, The House of Lords dan The Monarch.

Ketika menikmati keindahan London dari Sungai Thames, kami mengambil peluang untuk bergambar jambatan utama London iaitu Tower Bridge, London Bridge dan Millenium Bridge.

Jangan keliru antara Tower Bridge dan London Bridge, kerana Tower Bridge selalu disalah anggap sebagai Lon-

don Bridge. Jambatan yang paling dominan di Sungai Thames ialah Tower Bridge dan mungkin juga London Bridge yang popular dengan lagunya 'London Bridge is Falling Down' disalah ertikan kerana namanya yang sinonim dengan London (London Bridge) tetapi bukan pula jambatan yang paling dominan dari segi struktur binaannya.

Millenium Bridge atau London Millennium Footbridge pula adalah jambatan gantung khas untuk pejalan kaki merentas Sungai Thames menuju ke Bankside di kawasan tengah Bandar London.

Jambatan itu dibina pada 1998 dan dibuka kepada orang ramai pada 2005. Ia adalah jambatan pertama yang dibina merentasi Sungai Thames sejak pembi-

naan Tower Bridge pada 1894.

Ketibaan kami di Tower of London sejam selepas cruise itu dihangatkan dengan kehadiran seorang pelancong (warga Britain berbangsa Pakistan) yang ketinggalan bas ketika di Covent Market.

Setibanya di Tower of London, kami berbual-bual dan barulah kami tahu cerita dia ketinggalan bas. Bagi penulis, begitulah budaya masa di Britain. Sesiapa juga, walaupun membayar sejumlah wang untuk turut serta dalam lawatan ini, tetap ditinggalkan bas jika terlewat seminit.

The Tower of London dari segi sejarahnya dijadikan sebagai kubu pertahanan London, istana dan penjara. Tower of London juga sering dikaitkan dengan White Tower yang menjadi tarikan

utama pelancong.

Di situ, selain berpeluang melihat proses pertukaran pengawal, penulis berpeluang melihat keindahan semua mahkota permaisuri iaitu Crown Jewels yang disimpan di sini sejak 1303. Malangnya, tiada gambar dapat dirakam di Tower of London kerana kamera kami kehabisan bateri! Lalai sungguh!

Ketika jam menunjukkan hampir jam 4 petang, kami terus ke London Eye, roda feris terbesar di Eropah. Walaupun mentari sudah mula mengundur diri (kerana ketika musim sejuk, waktu Maghribnya ialah dalam pukul 4 petang), kami tidak kecewa, malah berpeluang melihat keindahan London dalam limpahan lampu yang bergemerlapan.

London Eye setinggi 135 meter membolehkan hampir

semua tarikan di London berada dalam 'genggaman' kami.

Pastinya, kota London tidak dapat dilawati sepenuhnya dalam tempoh sehari, namun, lokasi yang kami lawati itu adalah tarikan pelancongan utama di London selain British Museum, Tate Modern, National Gallery, Natural History Museum, Science Museum, The Victoria and Albert Museum, Madame Tussauds dan National Maritime Museum.

Semua senarai itu adalah 10 tempat paling popular (termasuk London Eye dan The Tower of London) yang disenaraikan dalam laman web rasmi 'Visit London' oleh kerajaan Britain. Kami merasakan, jika ada masa terluang, kami akan mengunjungi London lagi, namun ke tarikan lain pula.